

18/09/2003

`Usah pertikai kewibawaan Pak Lah'

KEIKHLASAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk bersara dan kewibawaan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk mengambil alih tampuk pentadbiran negara tidak wajar dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Setiausaha Parlimen Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar berkata, Pas pernah mendesak Dr Mahathir meletak jawatan tetapi kini, parti itu juga yang melahirkan kerisauan terhadap corak pentadbiran negara selepas persaraan Perdana Menteri.

"Dalam ceramah Pas, satu daripada isunya mempertikaikan keikhlasan Dr Mahathir dan menuduh beliau tidak akan bersara.

"Apabila Dr Mahathir mengumumkan bahawa Abdullah layak menjadi pengganti, Pas juga yang risau mengenai apa nak jadi dalam negara. Bagi BN, patah tumbuh hilang berganti dan kita yakin dengan kehadiran Perdana Menteri baru, bilangan ahli Pas akan berkurangan di dewan ini," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar), semalam.

Terdahulu, ketika menjawab soalan Wan Nik Wan Yusof (Pas-Bachok), Noh berkata, kesan terhadap ekonomi negara selepas peralihan pimpinan negara hanya dapat dilihat selepas perkara itu dilaksanakan.

Menjawab soalan Zawawi Ahmad (Pas-Padang Terap) mengenai jumlah penduduk Malaysia, Noh berkata bilangannya ialah 23,274,690 berdasarkan perangkaan Banci Penduduk dan Perumahan pada 2000.

Mengikut pecahan etnik, katanya, Melayu memiliki bilangan terbesar iaitu 11.7 juta, Bumiputera lain 2.6 juta, Cina 5.7 juta, India 1.7 juta dan lain-lain seramai 269,000.